



Mimbar Darul Tafsir

#73: *Adab Berbicara – Hendaklah Bersuara Rendah*

Penulis Artikel

USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)
Universiti Teknologi Nanyang Singapura



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque

Adab Berbicara – Hendaklah Bersuara Rendah

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيٍّ وَلَا
تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرٍ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ أَنْ تَحْبَطَ أَعْمَالُكُمْ وَأَنْتُمْ
لَا تَشْعُرُونَ

“Wahai orang-orang yang beriman! **Janganlah kamu mengangkat suara kamu melebihi suara Nabi dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap** dengan engannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap dengan setengahnya yang lain. (Larangan yang demikian) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya, sedang kamu tidak menyadarinya.” (Al-Hujurat: 2)



01



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيَكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ
لَصَوْتِ الْحَمِيرِ

“Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (**semasa berkata-kata**), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.” (Luqman:19)



02



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque

PELAJARAN

Ayat 2, Surah Al-Hujurat diturunkan sebagai **teguran untuk beberapa sahabat yang berbicara sesama mereka di hadapan Nabi s.a.w dengan suara yang lantang dan tinggi hingga menyebabkan beliau rasa tidak selesa.**


Ayat 9, Surah Luqman pula adalah antara **nasihat Luqman kepada anaknya tentang akhlak yang baik, yang perlu ada dalam diri setiap hamba Allah di muka bumi ini.**

Kedua-dua ayat ini mengandungi **pelajaran tentang adab apabila berbicara bagi Muslim**, iaitu hendaklah berbicara dengan suara yang rendah dan jauhi nada tinggi dan lantang apabila berbicara sesama individu ataupun di hadapan orang lain.



03






Walaupun **berbicara dengan suara yang lantang** mungkin tidak bermasalah bagi pihak-pihak yang terlibat, tapi **ia perlu dijauhi juga apabila di hadapan orang lain kerana keselesaan mereka boleh terganggu**. Tambahan pula, bersuara rendah dianggap satu etika universal yang baik, yang perlu diakur oleh Muslim **bagi menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat lain**.

Islam tidak suka Muslim berperangai “loudmouth” (memekak) kerana ia tidak sopan bagi ramai orang dan mengganggu keselesaan. Perkara ini dianggap serius berdasarkan hukuman yang terdapat di dalam Al-Quran bagi kelakuan ini (Al-Hujurat:2) dan pelakunya diibaratkan pula seperti keldai. (Luqman:19)

Muslim yang baik hendaklah menjauhi perangai buruk ini dan tidak boleh sengaja melakukannya dengan tujuan menonjolkan diri di tempat awam.






Pengecualian hanya diberikan kepada mereka yang memang secara tabi`ii dikurniakan suara yang bernada tinggi (high pitch voice).
Mereka ini tidak tercela kerana nada suaranya bukan pilihannya.
Namun, mereka hendaklah berusaha juga agar tidak meninggikan suara tanpa keperluan.

Muslim juga hendaklah menjaga gaya dan nada bicara, iaitu bersuara rendah dalam situasi;

- a) **mesyuarat**, khususnya ketika membincangkan tentang isu-isu yang hangat dan kontroversi
- b) **berbual di telefon bimbit atau bersama kawan di dalam MRT, bas, kapal terbang, atau ketika beratur**
- c) **bersorak ketika menyaksikan pertandingan**





Pelajaran ini relevan juga bagi konteks komunikasi dalam talian walaupun pada hakikatnya, ia adalah satu komunikasi tanpa suara.

Semangat dari ayat-ayat ini hendaklah diterapkan juga dalam tingkah laku Muslim ketika berkomunikasi di alam maya, iaitu jauhi gaya komunikasi yang pada norma di alam maya bersifat “loud” (lantang) dan mencetus ketidakselesaan kepada orang lain.

Islam adalah agama yang amat mementingkan adab dan kesopanan hingga dalam soal nada suara pun ada panduan untuk Muslim.

Atas semangat itu juga, **Muslim hendaklah berusaha sebaik mungkin untuk sentiasa menjaga adab dan kesopanan agar dapat menunjukkan contoh yang baik kepada orang lain.**



Intipati dari larangan bersuara lantang ketika berbicara ialah untuk mengelakkan diri dari membuat gangguan (nuisance) dan perkara yang menjengkelkan (annoyance) di hadapan orang lain.

Ertinya juga, Muslim hendaklah mengelakkan diri dari menjadi sumber gangguan dan kejengkelan bagi orang lain. Ini disokong oleh hadis, “Muslim [yang baik] ialah seorang yang Muslim lain terselamat dari kejahatan lidah dan tangannya.” (Riwayat Al-Bukhari)

Walaupun hadis ini berbicara tentang soal hubungan sesama Muslim, pelajarannya dapat diterapkan juga dalam konteks hubungan dengan semua orang.



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membala budi anda dengan kebaikan setimpal!



07

